

22 FEB 2001

Mahathir-Wanita

WANITA BOLEH DORONG ANAK-ANAK GUNA IT

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kaum wanita sebagai ibu boleh membimbing dan mendorong anak-anak ke arah penggunaan teknologi maklumat (IT) untuk perkembangan pengetahuan dan komunikasi.

Katanya melalui penggunaan IT, kaum wanita juga boleh bekerja dari rumah sambil meluangkan masa untuk menjaga serta mendidik anak-anak.

"Kita sedar bahawa IT bukannya satu trend sahaja akan tetapi ia adalah satu revolusi terbesar yang pasti membawa pengaruh luas terhadap komunikasi, pendidikan, perdagangan, kerjasama dan perhubungan antara kerajaan, komuniti perdagangan, kemajuan sains dan lain-lain di seluruh pelusuk dunia," katanya ketika berucap merasmikan Wisma Women's Institute of Management (WIM) di sini hari ini.

Beliau berkata bilangan kaum wanita di Malaysia adalah kira-kira separuh daripada jumlah penduduk negara dan 40 peratus daripada jumlah tenaga kerja negara.

Katanya wanita perlu menanam minat dan mempelajari penggunaan pelbagai alat dan kemudahan IT.

"Sekiranya rakyat Malaysia, khususnya kaum wanita, tidak memberi tumpuan terhadap IT dalam alaf baru ini, mereka akan ketinggalan dalam pembangunan bukan sahaja dalam negara, malahan di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata program IT peringkat kebangsaan yang dianjurkan WIM untuk kaum wanita terutamanya wanita luar bandar dapat memberi pendedahan yang lebih luas kepada mereka.

"Melalui program ini, kaum wanita dapat memberi keseimbangan daripada segi ilmu dan kemahiran, seterusnya dapat menyesuaikan dan mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi di tempat kerja, rumah, semasa mendidik anak-anak, dalam bidang perniagaan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata usaha yang dilakukan WIM harus diteruskan oleh organisasi lain bagi tujuan melatih dan mendidik wanita, dan wanita pula seharusnya lebih terbuka dan bersedia menggunakan peluang-peluang sedia ada.

"Saya sentiasa memberi perhatian kepada peranan kaum wanita supaya dapat meningkatkan taraf hidup mereka kerana saya percaya apabila kaum wanita maju, kualiti kehidupan keluarga mereka juga akan meningkat," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut melancarkan laman web lelong-elektronik Amal WIM, <http://www.msn.com.my> yang menjual barang-barang yang didermakan orang kenamaan kepada WIM. Antaranya tali leher milik Dr Mahathir dan beg tangan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang diautograf.

Dr Mahathir turut melancarkan program ICT Peringkat Kebangsaan Untuk Wanita anjuran WIM.

Pengerusi WIM Datuk Napsiah Omar berkata program berkenaan terbuka kepada pelbagai lapisan wanita untuk memberi pendedahan mengenai IT serta aplikasi dan kepentingannya dalam dunia tanpa sempadan.

WIM ialah badan bukan kerajaan yang melaksanakan pelbagai program pembangunan terhadap kaum wanita luar bandar, ibu tunggal, wanita orang asli, penghuni rumah-rumah seri puteri dan sebagainya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Dr Siti Hasmah dan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

-- BERNAMA

MS AHH RON